



DR. ZALIHA (tengah) bergambar bersama wakil komuniti Dapur Digital 2025 di Menara DBKL, Kuala Lumpur semalam.

Program Dapur Digital jana RM1.08j

KUALA LUMPUR – Kerajaan terus komited memperkukuh sosioekonomi komuniti berpendapatan rendah dengan melaksanakan 10 projek baharu Dapur Digital di Wilayah Persekutuan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr. Zaliha Mustafa berkata, program yang kini memasuki tahun kedua itu telah menunjukkan impak positif apabila jualan keseluruhan lebih RM1 juta dicatat tahun lalu menerusi lima lokasi projek perintis.

“Ini merupakan persetujuan untuk memperkasakan ekonomi komuniti sekelompok dan model pelaksanaan yang kita lakukan

adalah *public private partnership* di mana kita bekerjasama dengan pemain industri dan juga NGO.

“Ini juga merupakan platform perusahaan di mana mereka bukan sahaja diberi latihan untuk menyediakan menu-menu makanan tetapi kita juga mengajar mereka dari sudut *digital marketing* macam mana menjaga kewangan mereka,” katanya selepas Majlis Penyerahan Kunci Dapur Digital 2025 di sini semalam.

Ujarnya, inisiatif itu mendapat perhatian dan sokongan Kementerian Kewangan yang memperuntukkan RM5 juta dalam Belanjawan 2025 bagi perluasan Dapur Digital ke 25 lokasi di seluruh ne-

gara dengan 10 di Kuala Lumpur.

Antara lokasi baharu Dapur Digital tahun ini ialah Program Perumahan Rakyat (PPR) Seri Semarak, PPR Hiliran Ampang, PPR Seri Alam, PPR Raya Permai, PPR Kampung Muhibbah, PPR Taman Mulia, PPR Beringin, Pangsapuri Sentul Utara, PA Sri Kedah dan PA Seri Perlis II.

Tambahnya, pendekatan Program Usaha Jaya Insan (PUJI) yang menggabungkan latihan masakan, pemasaran digital dan pengurusan kewangan bukan sekadar mencipta peluang pendapatan, malah mendorong komuniti PPR membina identiti keusahawanan tersendiri.